

04 DEC 1999

Koh-Ketua Menteri

KOH ANGKAT SUMPAH KETUA MENTERI PULAU PINANG ISNIN INI

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Tan Sri Dr Koh Tsu Koon akan mengangkat sumpah jawatan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang Isnin ini.

Katanya beliau telah menerima surat pelantikannya daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Khamis lepas.

"Saya menerima surat pelantikan itu apabila saya mengunjungi Dr Mahathir di Langkawi pada 2 Dis," kata Koh yang juga Naib Presiden Parti Gerakan pada sidang berita di ibu pejabat parti itu di sini hari ini.

Katanya beliau akan menemui Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Hamdan Sheikh Tahir bagi memaklumkan mengenai pelantikan itu.

Koh menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang sejak pilihan raya umum 1990.

Koh mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir dan Abdullah kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk terus memegang jawatan itu dan berkata beliau akan berusaha sedaya upaya untuk meneruskan pembangunan di Pulau Pinnag di samping bekerjasama rapat dengan semua parti dalam komponen Barisan Nasional.

Beliau berkata Pulau Pinang telah mencapai banyak kemajuan dalam tempoh sembilan tahun lepas dengan kadar pertumbuhan melebihi 10 peratus dan ianya akan dipertingkatkan lagi bagi kepentingan rakyat di negeri itu.

Katanya tugasnya sebagai Ketua Menteri ialah untuk menentukan segala program pembangunan yang sedang dirancang dapat diteruskan manakala dalam parti pula cabarannya kini ialah untuk menyatupadukan semula anggota di samping membuka pintu kepada lebih ramai orang yang ingin menyertai parti itu.

Mengenai sama ada pelantikannya itu nanti akan mendapat tentangan daripada MCA, Koh berkata perkara itu tidak timbul kerana pelantikan dibuat oleh Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN

"Seharusnya semua parti komponen dalam BN menghormati keputusan itu atas semangat setiakawan yang diamalkan oleh parti," katanya.

Sebagai contoh, katanya dalam pilihan raya umum 1990, Gerakan hanya memperolehi tujuh kerusi negeri dan UMNO 12 kerusi tetapi atas semangat setiakawan BN, jawatan Ketua Menteri ditawarkan kepada Gerakan.

Mengenai kritikan yang dilemparkan terhadapnya oleh anggota Gerakan yang meninggalkan parti, Koh berkata: "Saya sedia menerima kritikan yang membina kerana sebagai manusia biasa saya tidak sempurna dan tentu ada kelemahan di mana-mana."

Bagaimanapun, rakyat di Pulau Pinang sendiri dapat melihat pembangunan yang dicapai di bawah kerajaan negeri yang dipimpin oleh BN dan sebab itulah rakyat sekali lagi memilih BN di 30 daripada 33 kerusi negeri pilihan raya umum baru-baru ini, kata Koh.

Dengan tindakan dua anggota Gerakan itu keluar daripada parti itu, ia kini mempunyai lapan anggota dewan, Umno 10, MCA sembilan dan MIC seorang.

Baki tiga lagi kerusi diwakili masing-masing oleh DAP, Keadilan dan PAS.

Turut hadir pada sidang berita itu ialah Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik serta tujuh lagi anggota Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dari Gerakan dan dua Anggota Parlimen Pulau Pinang dari parti itu sebagai tanda sokongan terhadap kepimpinan Koh.

Mereka ialah Dr Teng Hock Nan (Kebun Bunga), Datuk Kee Phaik Cheen (Batu Uban), Teng Chang Yeow (Padang Kota), Datuk Dr Toh Kin Woon (Machang

Bubuk), Ng Siew Lai (Bukit Tengah), Lai Chew Hock (Sungai Bakap) dan Looi Swee Cheang (Sungai Pinang).

Dua Anggota Parlimen yang hadir ialah Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) dan Lee Kah Choon (Jelutong).

--BERNAMA

AKT MAI